

PM tak ikut telunjuk orang lain
Utusan Online
30 April, 2013

KOTA TINGGI 29 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan seorang pemimpin berwibawa yang tahu tanggungjawabnya dalam menerajui negara dan tidak sepatutnya timbul dakwaan beliau mengikut telunjuk seseorang bagi mencorakkan imej serta cara kerjanya.

Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Parlimen Tenggara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, Najib merupakan seorang yang sedia maklum dengan hasrat rakyat terhadap kerajaan yang dipilih.

"Gaya kepimpinan beliau melambangkan usaha dan pemikiran macam mana sebenarnya memakmurkan negara dan mensejahterakan rakyat.

"Saya memandang beliau sebagai seorang yang boleh membawa kestabilan, kesejahteraan dan kemakmuran untuk negara dan rakyat," katanya yang ditemui pada Majlis Malam Mesra Bersama Pemimpin BN anjuran PPP Bahagian Tenggara di Jalan Mangga, Taman Kota Jaya di sini semalam.

Yang turut hadir, calon BN kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Panti, Datuk Baderi Dasuki; calon BN kerusi DUN Pasir Raja, Datuk Dr. Adham Baba; Pengerusi PPP Bahagian Tenggara, F. Thurayraju; Pengerusi Gerakan Bahagian Tenggara, Albert Teo dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Tenggara, Datin Salasih Idris.

Menurut Halimah, pakatan pembangkang kini sengaja membangkitkan dakwaan Najib mengikut telunjuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ceramah mereka.

"Namun begitu kita semua tahu dan sedia maklum Perdana Menteri adalah seorang yang komited dan memberi komitmen tinggi terhadap usaha dan kerja beliau.

"Tidak payah bangkitkan isu seperti itu semata-mata hendak memesonkan pemikiran dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan BN," ujarnya.

Menurutnya, rakyat sendiri tahu dan merasai dalam hati mereka siapa dan kenapa perlu memilih BN.

"Mereka tiada isu dan kesungguhan untuk membela rakyat malah banyak isu parti mereka sendiri yang tidak terurus," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130430/px_37/PM-tak-ikut-telunjuk-orang-lain#ixzz2ZoOZ13CW